

26/01/2002

Peniaga Indonesia dakwa hanya pekerja

Junita Mat Rasid

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kebanyakan peniaga Indonesia yang berniaga di kawasan penjaja sekitar Lembah Klang, terutama Chow Kit mendakwa mereka hanya bekerja dengan peniaga tempatan yang dikatakan memiliki lesen perniagaan sah.

Peniaga Indonesia di kawasan berkenaan didapati terbabit dalam pelbagai jenis perniagaan daripada menjual makanan dan minuman, pakaian, keperluan dapur sehingga barangan kosmetik serta jamu tradisional.

Mereka yang biasanya memulakan perniagaan seawal jam 6 pagi berniaga di kedai yang lengkap, gerai dan di kaki lima Jalan Raja Bot, Jalan Raja Alang dan Jalan Tuanku Abdul Rahman.

Tinjauan Berita Harian mendapati jumlah peniaga Indonesia itu juga semakin meningkat menjelang petang dengan membuka gerai makanan atau minuman dan pakaian di tepi jalan.

Beberapa peniaga di kawasan itu dan Pasar Keramat, dekat sini ketika ditemui mendakwa mereka hanya bekerja di kedai atau gerai berkenaan yang dimiliki sepenuhnya rakyat tempatan.

Apabila diminta untuk berjumpa dengan pemilik sebenar kedai mereka akan memberitahu majikan tempatan pulang ke rumah atau mempunyai urusan lain.

Ketika ditanya mengenai peniaga lain di kawasan itu, dengan pantas mereka menjawab bahawa semua warga Indonesia itu hanya bekerja dengan peniaga tempatan.

Kehadiran ramai peniaga Indonesia di kawasan Chow Kit juga menjadikannya seolah-olah pasar Tanah Abang di Jakarta, terutama dengan bahasa dan penjualan makanan tradisional yang sukar didapati di tempat lain.

Tidak keterlaluan jika dikatakan orang ramai yang tidak biasa mengunjungi pasar di Chow Kit pastinya akan terkejut kerana mereka akan disapa dengan loghat Jawa.

Selain itu Jalan Raja Bot di Chow Kit juga mempunyai deretan kedai jamu tradisional dan makanan Indonesia.

Ada juga kedai menjual tiket ke Indonesia, selain menjual pelbagai pakaian dan kraftangan.

Seorang peniaga tempatan yang hanya dikenali sebagai Ahmad dan sudah hampir 30 tahun berniaga di kawasan Chow Kit tidak menafikan ada rakyat tempatan sendiri yang menjual lesen kepada warga Indonesia sebagai jalan mudah untuk mendapatkan wang.

Katanya, rakyat tempatan juga sanggup menjual tapak perniagaan mereka dengan harga beribu-ribu ringgit dan akan mengaku pemilik kedai atau gerai itu jika penguat kuasa menjalankan pemeriksaan.

Beliau mengakui masalah peniaga Indonesia menggunakan rakyat tempatan untuk mendapatkan lesen sudah lama berlaku sehingga menenggelamkan rakyat tempatan yang berminat berniaga.

"Saya tak faham bagaimana pihak berkuasa boleh mengeluarkan lesen dengan mudah. Peniaga Indonesia itu pula seolah-olah tidak menghadapi sebarang masalah dengan penguatkuasa dan sering terlepas dalam operasi yang dijalankan.

"Arahan Perdana Menteri bahawa pihak berkuasa akan melancarkan operasi pembersihan di kawasan penjaja Lembah Klang perlu disambut baik semua pihak dan diharap membantu memulihkan imej rakyat tempatan yang benar-benar mahu berniaga," katanya.

Semalam Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan operasi itu akan dijalankan bagi memastikan tiada lagi rakyat Indonesia yang berniaga

secara haram di situ.

Dr Mahathir berkata kawasan itu dan pusat penjaja lain adalah khusus untuk peniaga tempatan tetapi kini dikuasai penjaja rakyat asing.

Seorang lagi peniaga yang dikenali sebagai Amir berkata sudah tiba masanya pihak berkuasa campur tangan mengatasi masalah banjiriran peniaga Indonesia di kawasan itu.

"Kadang-kadang rakyat tempatan sendiri rasa takut apabila berhadapan dengan peniaga Indonesia yang semakin ramai. Mereka pula semakin berani dan sanggup bertindak untuk membesarkan perniagaan mereka," katanya.

(END)